

10 NOV 1999

Pilihan raya-Khalil

BN BOLEH KEKALKAN MAJORITI DUA PERTIGA, KATA KHALIL

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Peluang Barisan Nasional mengekalkan majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum adalah cerah, kata Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Khalil yang dilantik sebagai Pengarah Operasi BN bagi pilihan raya itu berkata Barisan Nasional telah mengadakan "latihan pilihan raya" bagi menganalisis keadaan di peringkat akar umbi.

"Andaian jarak kemenangan kita ialah majoriti dua pertiga," katanya kepada pemberita semasa menunggu sidang berita oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pembubaran Parlimen di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya.

BN yang mempunyai 14 parti komponen menguasai 166 daripada 192 kerusi di Dewan Rakyat, yang akan dibubarkan esok untuk memberi laluan bagi pilihan raya umum ke-10.

Dr Mahathir menamakan Khalil sebagai pengarah operasi BN bagi pilihan raya itu semasa ditanya mengenainya pada sidang berita itu.

Khalil berkata beliau yakin isu-isu tempatan akan menguasai kempen di kebanyakan kawasan menjelang pilihan raya.

"Rakyat di kawasan seperti Jerantut lebih berminat dengan pembangunan di Jerantut...masalah yang berlaku di Lembah Klang tidak akan sama seperti di kawasan-kawasan luar bandar," katanya.

Strategi BN sudah pasti mengambil tindakan berhubung masalah-masalah itu, katanya.

Ditanya sama ada pilihan raya kali ini akan mendatangkan kesan terhadap pengundi dengan penggunaan Internet, Khalil berkata ia sudah pasti "kerana ia adalah pilihan raya terakhir pada abad ini".

"Kita mungkin memiliki peralatan tetapi akhirnya kita terpaksa bergantung kepada aspek kemanusiaan...berkempen di merata-rata tempat," katanya.

Mengenai liputan pilihan raya, beliau berkata media asing bebas untuk datang, memerhati dan menulis.

"Kita mahu menunjukkan ketelusan kita...kita tidak mahu seperti pepatah Melayu 'rumah sudah siap, pahat berbunyi'," katanya.

-- BERNAMA

AZZ LAT MAI